

MINGGUAN: Apa tujuan francis ini?

IBRAHIM: Pada prinsipnya kerajaan telah bersejua supaya konsep membantu francis buni-putera ini dijalankan oleh UITM. Kolej IPTS buni-putera sudah banyak gulung tikar kerana pelbagai masalah termasuk soal kewangan dan mendapatkan pelajar. Kita telah diminta untuk memberikan bantuan. Kita akan cuba membantu tetapi kita akan buat secara profesional. Kita akan akur.

PM, TPM dan Menteri Pendidikan Tinggi sudah menekankan berkali-kali jangan sama sekali mengabaikan aspek kualiti pendidikan. Dalam kita hendak membantu mereka supaya jangan gulung tikar, kita juga diingatkan supaya tidak mengtepaikan soal kualiti. Saya juga bimbangkan soal kualiti ini.

Pada masa yang sama, ia bertujuan untuk meningkatkan modal insan yang terbaik untuk pembangunan negara selaras dengan usaha dan matlamat penubuhan UITM. Dalam proses ini, kita diarahkan untuk menambah bilangan pelajar daripada 100,000 yang ada sekarang kepada 200,000 menjelang tahun 2010. Kita mahu menyediakan tenaga profesional Melayu. Itu memang matlamat UITM cuma proses penyediaannya itu disalurkan melalui IPTS buni-putera.

UITM sudah mencapai usia 50 tahun. Bagaimanakah ia hendak mencapai jumlah sekali ganda itu dalam masa yang singkat? Ini kerana kita tidak boleh memaksa orang supaya masuk ke kolej swasta itu semata-mata untuk memenuhi kesan sasaran angka.

IBRAHIM: Betul. Tetapi walaupun usia UITM sudah 50 tahun tetapi jumlah pelajarannya yang besar itu hanya tercapai sejak beberapa tahun kebelakangan ini saja. Semasa ditubuhkan dahulu ITM (namanya pada ketika itu) hanya ada 28 orang pelajar. Pada tahun 1970-an semasa ITM di Jalan Othman Petaling Jaya, pelajarannya hanya lebih kurang 1,000 saja. Ia hanya berkembang pada akhir tahun 1970-an, ditambah pula apabila kita mengembangkan kampus-kampus cawangan pada tahun 1980-an. Tetapi setelah mengambil kira jumlah luhusan SPM yang besar sekarang, saya percaya kita mempunyai calon-calon untuk masuk ke program francis ini.

Sungguhpun kita mahu menambah jumlah pelajar, saya mahu tegaskan bahawa kita sama sekali tidak akan mengabaikan soal kualiti. Kita serius tentang soal kualiti. Sebagai contoh, syarat minimum untuk kemasukan kursus diploma mesti tidak kurang daripada lima kredit dalam SPM dan bagi kursus bukan sains mesti ada kredit dalam Bahasa Inggeris dan Matematik. Bagi kursus kejuruteraan, mesti ada kredit dalam Matematik Tambahan dan Fizik. Saya tahu ada sesetengah IPTA yang syaratnya hanya tiga kredit tetapi tidak UITM. Apa yang saya hendak tekankan ialah usah risau tentang syarat kemasukan. Kita tidak akan turunkan.

Adakah kolej-kolej swasta ini mampu untuk memberikan kualiti pendidikan yang sama seperti UITM? Apakah mereka mampu?

IBRAHIM: Saya sendiri bertanya soalan yang sama. Kalau hendak dibandingkan dari segi kemudahan, apa yang ada di UITM ini jauh lebih baik daripada sesetengah kolej swasta. Kita ada makmal dan perustakan yang lengkap serta pensyarah yang ada Ph.D. Infrastruktur kita lengkap dan bukannya bangunan rumah kedai. Kalau saudara bertanya kepada saya apakah saya bimbang (terhadap kemampuan IPTS), ya, memang saya agak bimbang.

Tetapi ini adalah langkah yang sentiasa melalui proses penambahbaikan. Kalau saya hendak meletakkan syarat yang ketat sebelum kolej tertentu itu boleh diberikan taraf francis, mesti ada itu dan ini, nanti kita tidak boleh mulakan program ini. Apa yang kita buat ialah setiap permohonan daripada IPTS akan dibawa kepada mesyuarat lembaga pengarah. Kita ada syarat yang ketat, dari segi modal dan sebagainya. Kita juga hanya mengambil IPTS buni-putera. Kita akan memeriksa latar belakang pensyarah-pensyarahnya.

Ja bukan mudah. Itu sebabnya dalam proses penubuhan dua tiga tahun lalu kita membatalkan francis beberapa kolej swasta. Pemantauan ini akan



Anggap francis satu amanah

Mukadimah

SEIAK kerajaan mengumumkan keputusannya untuk mengiktiraf sejumlah IPTS swasta sebagai kampus francis Teknologi Mara (UITM), Naib Canselor universiti Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Samah menerima panggilan telefon dan SMS daripada banyak orang Melayu yang memberikan pandangan mereka mengperka itu.

"Kebanyakan mereka menyuarakan kebimbangan tentang masa depan. Saya ucap terima kasih kepada mereka yang menghormati pandangan-pandangan itu. Saya tahu orang Melayu sangat sayangkan UITM," katanya ketika wawancara dengan WAHID HASHIM, NOOR AZAM SHAIRI dan HASANI HASSAN yang menemui beliau di pejabatnya kampus induk UITM, Shah Alam pagi Khamis lepas.

Dalam wawancara ini, Ibrahim menjawab kebimbangan-kebimbangan itu yang rata-ratanya menyetujui imej UITM yang tidak lagi dilihat sebagai institusi pengajian tinggi kelas kedua. Beliau membari jaminan bah piahnya akan memartau perjalanan program francis itu bagi memastikan tahap kualitinya setanding se yang diharapkan. Beliau juga mengingatkan para pengusaha institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ten falsafah di sebalik penubuhan institusi pengajian tinggi bagi orang Melayu itu yang baru genap usianya tahun.

Langkah mewujudkan program francis itu sebenarnya bertolak daripada pengumuman yang dilulus Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapannya semasa menggulusi perbah Perhimpunan Agung UMNO yang baru lalu, bahawa kerajaan mahu menambah jumlah pelajar UITM ke 200,000 orang mulai kemasukan akhir tahun ini. Hal itu pertama kali beliau umumkan pada Perhimpunan Agung UMNO tahun lalu.

Dalam satu wawancara berasingan, Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Buni-putera, Prof. Datuk Dr. Idris Salleh memperkatakan kemampuan kolej swasta untuk memenuhi hasrat kerajaan itu. Katanya, "Kebimbangan masyarakat itu tidak kritikal sebenarnya. Saya lebih bimbang tidak ada pelajar yang mahu masuk ke IPTS."

DATUK SERI PROF. DR. IBRAHIM ABU SHAH

terus kita jalankan. Kalau mereka tidak mengikut standard minimum yang ditetapkan, kita akan ambil tindakan. Kalau UITM mahu berkeras pada peringkat permulaan ini, saya fikir tidak ada satu pun kolej swasta yang akan diterima.

Tetapi tidakkah ini akan memperjudikan masa depan kualiti UITM dan pendidikan?

IBRAHIM: Tetapi kalau kita melihat suasana negara pada hari ini, ia bukanlah sesuatu yang mudah. Sebagai seorang Naib Canselor sebuah universiti Melayu yang mempertahankan kualiti dan bermatlamat mahu menaikkan imej universiti ini, saya tidak akan sama sekali mengorbankan aspek kualiti. Tetapi dalam suasana yang lain, saya mesti membantu orang Melayu untuk mencapai kedudukan ekonomi yang lebih baik, dan itu tentunya melalui pendidikan. Saya tidak akan berlaku adil kepada orang Melayu kalau saya tidak membantu. UITM akan bantu tetapi kita tidak akan abukkan kualiti.

Saya tidak boleh nafikan untuk peringkat permulaan ini akan ada masalah di sana-sini. Kalau hendak ikutan perasaan saya sebagai seorang ahli akademik yang hendak menjaga soal kualiti, saya tidak mahu terima IPTS. Tetapi ada banyak faktor lain yang harus kita ambil kira tentang keadaan negara kita pada hari ini, tanpa mengorbankan aspek kualiti. Ini soal pendidikan dan ekonomi orang Melayu.

Apakah kolej-kolej swasta ini akan faham tentang itu? Ini kebimbangan banyak orang Melayu.

IBRAHIM: Saya faham. Saya sendiri terima banyak panggilan telefon dan SMS daripada orang Melayu yang prihatin tentang hal ini. Mereka minta tolong kepada saya untuk tidak membenarkan program francis ini. "Tolong, Datuk. Jangan beri. Jangan hancurkan kualiti UITM. Jangan rosakkan orang Melayu," kata mereka.

Tetapi saya rasa sebagai tidak mudah untuk saya melihat hal ini dari satu sudut saja; ada pertimbangan-pertimbangan lain yang harus diambil kira.

Kalau mereka tidak ingat dan pegang kepada amanah membangunkan anak bangsa serta tanggungjawab melahirkan profesional Melayu, sebaliknya hanya mementingkan keuntungan semata-mata, saya anggap mereka itu khianat kepada orang Melayu

- Ibrahim Abu Shah

Kita benarkan IPTS membuat program francis tetapi mereka mesti ikut syarat-syaratnya. Kalau UITM mengamalkan ISO tertentu, mereka juga mesti ikut. Kita akan pastikan. Sekarang misalnya, kita ada perutusan tertentu dalam pemarahahan pekerjaan yang dikawal oleh kolej swasta, tetapi saya boleh membuat penyesuaian agar UITM kawal seratus peratus.

Saya akui saya menerima agak komplek. Ada banyak orang yang mengingatkan saya bahawa IPTS ialah inti nyamannya yang suka atau tidak, bermatlamatkan keuntungan. UITM sebaliknya tidak pedulikan keuntungan wang ringgit. UITM hanya mahu membantu melahirkan orang Melayu profesional yang berjaya. Atas perbezaan itulah, orang mengingatkan saya (supaya berhati-hati dengan program francis ini).

Seorang kawan baik saya mengingatkan saya tentang perbezaan di antara IPTS di Malaysia dan institusi pengajian tinggi di luar negara. Institusi pengajian tinggi di luar negara ditubuhkan oleh dermawan dan hartawan yang mahu menyumbang kepada masyarakat. Kolej swasta di negara ini pula sebaliknya dibuka untuk cari duit. Tetapi berapa ramai orang Melayu yang sanggup membuka pusat pengajian tinggi untuk membantu anak bangsanya sendiri?

Ini yang kami bangkitkan tadi. Adakah IPTS boleh berfikir sama seperti UITM? Bahawa ini

soal kekuatan ekonomi orang Melayu pada masa akan datang.

IBRAHIM: Ini cabaran kepada mereka. Saya meary, mereka mesti ada perasaan dan harapan seperti itu. Mereka harus anggap program francis ini sebagai ibadat, tanggungjawab dan amanah untuk menolong anak bangsa, bukan semata-mata untuk mengira untung, untung dan untung. Sikap itu mesti ada. Kalau mereka hanya memikirkan tahun ini boleh buat berapa juta, habislah kita.

UITM lahir daripada cita-cita masa depan orang Melayu. Apabila amanah dan tanggungjawab itu diberikan kepada IPTS, apakah yang Datuk Seri hendak katakan?

IBRAHIM: Kalau mereka tidak ingat dan pegang kepada amanah membangunkan anak bangsa serta tanggungjawab melahirkan profesional Melayu, sebaliknya hanya mementingkan keuntungan semata-mata, saya anggap mereka itu khianat kepada orang Melayu. Saya tidak mahu itu berlaku. Saya harap mereka faham. Saya mahu mereka bersama-sama UITM membangunkan pendidikan dan ekonomi orang Melayu.

Saya selalu diingatkan oleh kawan-kawan tentang pencapaian dan reputasi UITM yang baik sekarang

"UiTM bukan lagi institusi pengajian kelas kedua"

>> Dari muka 7

Mm 3/12/06
ms. 8

yang boleh terjerus dengan program francais ini. Saya tahu dan bukannya saya tidak susah hati. Saya tidak mahu apa yang dibina oleh UiTM selama 50 tahun ini jahanam. Ini saya minta tolong kepada IPTS bumiputera yang diberi kepercayaan itu nanti supaya memahami amanah dan tanggungjawab yang tergalas pada mereka. Mereka mesti berjanji dan bersumpah untuk tidak mengorbankan kualiti semata-mata untuk mengejar keuntungan.

Ada juga kebimbangan akan muncul venturists baru yang mahu berjinak-jinak membuka IPTS. Apa tapisannya? Apakah kerajaan hendak membantu IPTS bumiputera yang sedia ada atau mahu melihat penubuhan lebih banyak IPTS?

IBRAHIM: (ketawa) UiTM sekarang ada 20 IPTS yang melaksanakan program francisanya, dan itu pun setelah kita singkirkan beberapa IPTS dalam proses pemutihan beberapa tahun yang lalu. Kita ada sebuah bahagian khas untuk memeriksa dan memantau kemampuan semua IPTS ini.

Saya hendak beritahu proses pemilihan IPTS ini bukanlah mudah. Kalau sudah mendapat kelulusan daripada pengurusan UiTM sekali pun, ia harus melalui tapisan-tapisan oleh lembaga pengarah, Kementerian Pengajian Tinggi dan kemudiannya, Lembaga Akreditasi Negara. Ini proses yang ketat.

Apa yang saya hendak kata ialah saya tidak fikir mana-mana IPTS yang baru dibuka dan tidak ada track record boleh kita berikan francis ini. Kita tegas dalam hal ini. Kita hanya akan beri kepada kursus-kursus *chalk and talk* seperti pengurusan perniagaan, perakaunan, pengurusan pejabat dan sebagainya. Kita tidak akan berikan kursus sains dan undang-undang kerana ia memerlukan kemudahan khusus seperti makmal dan perpustakaan yang lengkap. Tetapi kita juga tidak boleh pukul rata kata semua kolej swasta tidak bagus; jangan, hanya segelintir saja.

Ada pihak yang meminta supaya UiTM tidak terburu-buru menambahkan jumlah pelajarannya. Kalau ia tidak mahu tergesa-gesa, tempoh berapa lamakah yang sesuai untuk capai sasaran 100,000 pelajar itu?

IBRAHIM: Saya faham kebimbangan itu. Kita mungkin boleh merayu kepada kerajaan supaya tempoh itu dilanjutkan mungkin kepada tahun 2015. Daripada kita terburu-buru, mungkin lebih baik kalau kita berikan tempoh sedikit. Kita tidak merancang untuk gagal.

Kalau sasarannya ialah 2010, bilakah program ini akan bermula? Adakah hendak mula dua tahun dari sekarang atau bulan hadapan?

IBRAHIM: Mandat untuk melaksanakan program ini telah diberikan oleh kerajaan tetapi UiTM setakat ini masih lagi dalam proses untuk melakukannya. Kita masih lagi meneliti beberapa hal bagi memastikan usaha ini berjalan dengan baik. Kita akan mengambil kira idea-idea yang disarankan oleh pelbagai pihak kepada kita.

Ada yang mencadangkan supaya ditubuhkan sebuah konsortium, ada yang mencadangkan penubuhan sebuah taman pendidikan dan sebagainya. Kita masih menimbang cadangan-cadangan ini dan belum membuat apa-apa keputusan lagi. Ada baiknya juga komen-komen daripada masyarakat ini supaya UiTM dapat meneliti pelaksanaan program francis ini.

Kalau dibandingkan dengan parti-parti politik lain yang menubuhkan institusi pengajian tinggi masing-masing, ada orang merasakan bahawa orang Melayu tidak boleh bersaing dalam bidang pendidikan. Orang Melayu dilihat tidak cukup kemahiran, dan UiTM terpaksa pula menjadi payung. Apa pandangan Datuk Seri?

IBRAHIM: Kalau ditanya pandangan peribadi saya, itulah realitinya. Orang Melayu pada hari ini masih lagi tertinggal dalam pendidikan terutamanya dalam bidang-bidang kritikal. Saya tidak boleh marah atau buat komen negatif kepada kerajaan dalam usaha memperbanyakkan universiti bagi orang Melayu kerana kaum-kaum lain begitu agresif mewujudkan pusat pengajian tinggi mereka sendiri.

Itu sebabnya kita terpaksa mengambil langkah yang sesuai. Kita tidak mahu juga melihat kalau suatu hari nanti orang lain sudah jauh ke depan tetapi kita masih tertinggal di belakang. Itu tentunya akan mewujudkan suasana yang lebih teruk kepada orang Melayu dan negara keseluruhannya.

Saya lebih suka kepada kaedah ini. Program francis ini lebih sesuai. Ia hanya salah satu kaedahnya. Tetapi dalam melakukannya kita jangan sama sekali mengorbankan aspek kualiti.

Kita telah memberikan ruang dan masa kepada IPTS bumiputera tetapi kepada Kolej Universiti Teknologi Kreatif Lim Kok Wing pun mereka kalah. Sekarang ini LKW sudah ada cawangan di London dan Indonesia.

IBRAHIM: Mereka boleh melakukannya kerana mereka ada duit tetapi itu tidak bermakna mereka ada kualiti. Apakah saudara pasti dengan publisiti besar-besaran itu maknanya mereka itu benar-benar bagus? IPTS bumiputera tidak ada duit, itu masalahnya. Usah kata

hendak buka di London, di sini pun ada masalah juga. Itu sebabnya dalam keadaan begitu UiTM harus tampil ke depan mengorak langkah untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran dan kemampuan.

Kerajaan meminta UiTM melaksanakan program ini ialah pertama, kerana ia 100 peratus bumiputera. Kedua, kerajaan tahu kita ada track record. Kita pernah dianggap sebagai *second class* tetapi pada hari ini tidak ada orang boleh mempersoalkannya lagi. Kita ada bukti-bukti pencapaian yang boleh dibanggakan termasuk yang mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Kita telah mengeluarkan produk terbaik yang tidak boleh dipertikaikan.

Seorang wakil dari institusi kejuruteraan di United Kingdom yang datang ke UiTM pada majlis sambutan ulang tahun ke-50 baru-baru ini mengagumi kemampuan universiti ini mendapat pengiktirafan daripada empat badan kejuruteraan di UK. Tiada siapa boleh mengatakan UiTM ini universiti kelas kedua. Dalam bidang undang-undang pun begitu juga sehinggalah pengalaman-pengalaman undang-undang terkemuka termasuk hakim menghantar anak mereka ke sini. Orang harus menerima realiti ini. UiTM ialah universiti yang terbaik.

Siapa sangka dalam masa lima tahun kebelakangan ini UiTM menang banyak hadiah inovasi antarabangsa termasuk mengutip paling banyak anugerah pingat emas.

Dalam suasana pencapaian itu, apa harapan Datuk Seri kepada IPTS bumiputera yang akan melaksanakan program francis itu nanti?

IBRAHIM: Mereka tahu pencapaian UiTM. Mereka tahu diploma UiTM diiktiraf untuk pencekalan kursus oleh universiti-universiti di UK dan Amerika Syarikat. Mereka tahu UiTM serius dalam soal kualiti. Mereka tahu UiTM mendapat ISO. Oleh itu, mereka mesti bekerja keras untuk menjaga kualiti dan pencapaian UiTM.

Kalau rasa tidak mampu untuk mempertahankan kedudukan UiTM yang ada seperti hari ini, nasihat saya kepada IPTS-IPTS ini tidak usahlah memohon program francis itu. Tidak usahlah memohon dengan menggunakan mana-mana kabel politik. Kita bercakap tentang soal akademik.

Apa yang Datuk Seri hendak katakan tentang kebimbangan orang ramai mengenai program francis ini?

IBRAHIM: Kita akan sentiasa memantau dan menjaga soal kualiti. Saya tahu sesetengah kebimbangan itu hanyalah tentang soal duit. Saya tahu ada pelajar yang sudah diterima masuk ke IPTS tetapi kemudiannya memohon untuk pindah ke UiTM semasa pengambilan

kedua kerana soal duit. Nasihat saya, ibu bapa yang ada duit hantarlah anak ke IPTS.

Apa jaminan Datuk Seri bahawa kualiti di IPTS itu akan sama macam di UiTM?

IBRAHIM: Saya tidak boleh jamin 100 peratus. Cuma apa yang saya boleh katakan ialah kita akan memantau semua IPTS itu dengan teliti.

Ini nampak macam misi berani mati – berjaya atau gagal, 50-50. Apa Datuk Seri tidak bimbang kerana reputasi Datuk Seri diperjudikan?

IBRAHIM: Saya tahu harapan masyarakat kepada UiTM tinggi. Risiko program ini memang tinggi. Setakat hendak mengelolakan universiti ini saya tidak ada masalah tetapi program francis ini melibatkan pihak luar yang saya tidak ada kuasa penuh ke atasnya. Memang saya bimbang tetapi saya harap pihak IPTS bumiputera ini juga faham tentang kedudukan dan matlamat UiTM.

Itu saja yang saya minta daripada mereka. Jangan jadi pengkhianat. Jangan lupa kepada amanah dan tanggungjawab semata-mata hanya hendak membuat untung. Kalau mahu kaya bukan melalui pendidikan tetapi buatlah bisnes lain. Kalau mereka buka IPTS untuk kaya, lebih baik mereka lupaklah saja niat itu. Ini lebih sebagai satu perkhidmatan awam. Kalau mahu kaya, pergilah buat bangunan atau masuk dalam bidang pertanian.

Mampukah UiTM mencapai sasaran 200,000 pelajar menjelang 2010 itu?

IBRAHIM: Boleh, saya tidak bimbang. Malah sekarang ini pun UiTM menjadi pilihan utama pelajar-pelajar ke universiti. UiTM sekarang adalah universiti pilihan pertama, bukannya seperti 10 tahun dulu. Jangan main-main, kita nombor satu.

Itu Datuk Seri yang cakap....

IBRAHIM: Saudara tulis saja begitu. Saya bercakap ini berdasarkan laporan daripada Unit Pusat Universiti (UPU). Lulusan UiTM juga sekarang menjadi pilihan utama dalam sektor kerajaan untuk jawatan-jawatan pegawai tadbir dan diplomatik. Ini fenomena baru. Lulusan UiTM menjadi buruan pasaran dalam apa industri sekali pun. Saya berani kata begini kerana saya diberitahu sendiri oleh banyak orang penting dalam pelbagai industri.

Ini cabaran kepada IPTS yang akan menyertai program francis itu nanti. UiTM tidak lagi bermain untuk bersaing dalam negara. Kita mahu melahirkan profesional Melayu yang boleh-bersaing di peringkat dunia. Kita mahu buktikan orang Melayu bukannya malas dan bodoh.